

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI  
NEGERI TERENGGANU TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 8 September 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 menurun sejumlah RM40.75 juta atau 2.5% menjadi RM1.593 bilion. Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat sejumlah RM34.02 juta atau 1.9% menjadi RM1.827 bilion pada tahun 2021 berbanding RM1.793 bilion pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM32.63 juta, menurun sebanyak RM21.37 juta berbanding kurangan RM54 juta pada tahun 2020. Lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun menjadi RM170.73 juta atau 16% berbanding RM203.36 juta pada tahun 2020.

- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan berjumlah RM99.05 juta atau 37.7% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM163.79 juta berbanding RM262.84 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM334.52 juta, iaitu menurun sejumlah RM131.68 juta (28.2%) berbanding RM466.20 juta pada akhir tahun 2020.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM20.15 juta atau 11.4% daripada RM177.53 juta pada tahun 2020 kepada RM157.38 juta pada tahun 2021. Jumlah Pelaburan adalah berbaki sifar berbanding RM3.45 juta pada tahun 2020 kerana sejumlah 13.4 juta unit Amanah Saham Darul Iman (ASDI) telah dipindah milik kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Jumlah Hutang Awam menurun sejumlah RM13.61 juta atau 4.9% menjadi RM266.36 juta berbanding RM279.97 juta pada tahun 2020.

### **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 17 agensi negeri yang terdiri daripada sembilan Badan Berkanun Negeri (BBN), tujuh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu Majlis Agama Islam (MAI).
- b. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 13 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 untuk diaudit. Sebanyak lapan agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala baki lima agensi mengemukakan penyata kewangan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, tiga daripada lima agensi tersebut mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh tiga hingga tujuh hari selepas tarikh akhir kelulusan.
- c. Empat agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 untuk diaudit. Kesemua agensi terlibat telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri sehingga 31 Ogos 2022. Bagaimanapun tiada permohonan pelanjutan tempoh yang baharu dikemukakan selepas tarikh tersebut.

- d. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan tiga daripada 13 penyata kewangan tahun 2021 yang telah diterima untuk diaudit melibatkan satu penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT. Penyata kewangan BBN terlibat ialah Lembaga Sumber Air Terengganu yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Manakala penyata kewangan PBT iaitu Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Daerah Hulu Terengganu turut diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Selain itu, sebanyak 10 penyata kewangan tahun 2021 masih dalam proses pengauditan manakala empat penyata kewangan masih belum diterima untuk diaudit.
  - e. Sebanyak 15 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DUN. Bagi Majlis Sukan Negeri Terengganu, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak enam syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara iaitu tiga kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan tiga kepada agensi negeri.